

18/11/1999

Profesional muda ikrar bantu BN

KUALA LUMPUR, Rabu - Profesional muda Melayu di Lembah Klang yang bersyukur dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB), hari ini menyatakan sokongan dan berikrar akan membantu kerajaan Barisan Nasional (BN) memenangi pilihan raya.

Sokongan dan ikrar itu dinyatakan ketika pertemuan lebih 300 profesional seperti peguam, doktor dan ahli perniagaan dengan Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed.

Dalam sidang akhbar selepas pertemuan itu, Mustapa berkata kebanyakan profesional muda yang mendapat manfaat hasil DEB mahu mengekalkan kerajaan sekarang kerana rekod cemerlangnya membantu Bumiputera.

"Pertemuan hari ini turut menafikan golongan profesional dan kelas menengah di Lembah Klang menentang kerajaan, sebaliknya mereka dengan sukarela akan membantu BN dalam pilihan raya akan datang.

"Dalam sebuah negara demokrasi tentu ada yang menentang kerajaan tetapi kebanyakannya di negara ini yakin dengan kebolehan Barisan Nasional," katanya.

Kebanyakan profesional yang menemui Mustapa hari ini adalah Persatuan Pelajar Lepas Maktab Rendah Sains Mara (Ansara) dan Persatuan Lepas Pelatih Institut Kemahiran Mara (Perlikma).

Turut hadir Presiden Ansara, Mukhriz Mahathir dan Presiden Perlikma, Faizal Darwis.

Mustapa berkata, profesional muda Melayu perlu bersyukur kerana kegawatan ekonomi negara diatasi tanpa mengorbankan hasrat DEB dan usaha mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB).

"Bagaimanapun, kita amat dukacita kerana ada sebilangan kecil profesional muda Melayu yang melupakan jasa kerajaan dan mengkritik dasar yang menjayakan mereka," katanya.

Mustapa mengingatkan orang Melayu supaya terus bersatu untuk memungkinkan kuasa politik orang Melayu terus kekal, sekali gus membolehkan kerajaan meneruskan dasar membangunkan orang Melayu.

"Masyarakat Melayu yang berpecah belah akan menyebabkan kuasa politik akan terhakis. Kita tidak boleh lagi menangis, apabila kuasa politik sudah terhakis," katanya.

Beliau berkata, setakat ini tidak ada alternatif kepada kerajaan BN, sebaliknya semua sokongan perlu diberi kepada BN.

"DEB-lah yang menyediakan pentas kepada orang Melayu dapat duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan kaum lain di negara ini. Jika penggunaan sistem terbuka, orang Melayu masih jauh ketinggalan dengan kaum lain," katanya.

Mustapa berkata, kejayaan kerajaan sekarang bermula apabila peluang pendidikan diberikan kepada golongan Melayu untuk melanjutkan pelajarannya, sekali gus mendapat pekerjaan yang berpendapatan lumayan.

"Melalui DEB, kita berjaya mewujudkan Maktab Rendah Sains Mara, sekolah sains dan beberapa lagi sekolah berasrama penuh untuk memajukan Melayu," katanya.

(END)